

21/01/2000

CPF: MTUC minta bincang berasingan

Azman Abdul Hamid

KUALA LUMPUR, Khamis - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyarankan agar isu pengeluaran simpanan pekerja Malaysia daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) dikecualikan daripada pakej perbincangan lima perkara antara pemimpin kedua-dua negara.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata, MTUC mengemukakan syor itu kerana isu berkenaan bukan satu persoalan politik.

"Jika isu CPF dibincangkan secara pakej, sudah tentu ia tidak dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat," katanya selepas menemui Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Singapura, Chin Hock Seng di sini, hari ini.

Dalam pertemuan itu, Zainal menyerahkan memorandum mengenai cadangan penyelesaian isu berkenaan untuk dipertimbangkan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

"Tiga perkara yang kami nyatakan bagi pihak pekerja Malaysia yang terbabit ialah permohonan mereka dapat mengurangkan beban membeli rumah, membantu dari segi perbelanjaan perubatan dan penanggungan selepas bersara," katanya.

Beliau berkata, MTUC juga akan menyerahkan salinan memorandum itu kepada Menteri Kewangan Singapura, Richard Hu, kerana masalah berkenaan tertangguh terlalu lama dan perlu diselesaikan secepat mungkin.

Menurutnya, wang simpanan pekerja Malaysia dalam CPF Singapura bernilai kira-kira RM3 bilion.

Pada 17 Disember 1998, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh mencapai persetujuan bahawa lima isu yang menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara dibincangkan secara pakej untuk mencari penyelesaian.

Isu terbabit ialah kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Malaysia di stesen kereta api, Tanjong Pagar, Singapura; Central Limit Order Book (Clob); permintaan Singapura supaya diadakan perjanjian baru bekalan air; penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan permintaan Malaysia supaya warganya di Semenanjung dibenar mengeluarkan wang simpanan daripada CPF Singapura.

Zainal berkata, MTUC juga akan menghantar surat meminta persetujuan Dr Mahathir supaya isu CPF dibincangkan secara berasingan.

Salinan surat yang sama akan dihantar kepada Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Fong Chan Onn.

Beliau berharap Fong dapat membincangkan penyelesaian isu CPF itu dengan rakan sejawatnya dari Singapura apabila mereka menghadiri mesyuarat Asean, April ini.

Ditanya sama ada MTUC akan membawa isu itu ke pengetahuan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Zainal berkata, langkah itu jalan terakhir.

Semua pihak perlu prihatin kepada perkara itu kerana MTUC dihujani aduan serta rayuan pekerja Malaysia dari Semenanjung yang pernah berkhidmat di Singapura mengenai masalah mengeluarkan wang simpanan daripada CPF khususnya untuk membeli rumah, menanggung perbelanjaan perubatan serta perbelanjaan selepas bersara, katanya.

Chin pula memberitahu bahawa undang-undang Singapura menetapkan bahawa rakyat Malaysia dari Semenanjung hanya boleh mengeluarkan simpanan CPF selepas mencapai usia 50 tahun dan dua tahun berturut-turut tidak bekerja di Singapura selepas mencapai umur itu.

Sekurang-kurangnya 60,000 pekerja dari Semenanjung yang berhenti bekerja di Singapura terpaksa menunggu sehingga berumur lebih 50 tahun sebelum

boleh mengeluarkan simpanan daripada CPF.

Tetapi, apa yang dianggap aneh ialah pekerja Malaysia dari Sabah dan Sarawak boleh mengeluarkan simpanan CPF apabila tamat perkhidmatan dan meninggalkan Singapura.

(END)